

# PENYAMPAIAN ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG (AKC) 2016 BAGI ZON PANTAI TIMUR DI PU KUANTAN

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/864-penyampaian-anugerah-khidmat-cemerlang-akc-2016-bagi-zon-pantai-timur-di-pu-kuantan](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/864-penyampaian-anugerah-khidmat-cemerlang-akc-2016-bagi-zon-pantai-timur-di-pu-kuantan)

KUANTAN, 29 Jun 2016 – Seramai 183 orang pegawai dan anggota LLP telah menerima Anugerah Khidmat Cemerlang (AKC) 2015 bagi Zon Pantai Timur yang diadakan di Dewan Sri Angkasa hari ini. Calon-calon yang dipilih terdiri daripada pegawai dan anggota dari pelbagai ketukangan dan lapisan pangkat yang berkhidmat di PU Kuantan, PU Gong Kedak dan juga Skn 322 Bukit Ibam.

Semua penerima telah menerima Sijil Khidmat Cemerlang dan hadiah prestasi berjumlah RM1000.00 yang diberikan dalam bentuk Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional.

Upacara penyampaian sijil Anugerah Khidmat Cemerlang disempurnakan oleh Panglima Bantuan Udara, YBhg Lt Jen Dato Hj Abdul Mutualib bin Datuk Hj Abd Wahab TUDM dan diiringi oleh Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Dato' Hj Yazid bin Hj Arshad TUDM.

Anugerah ini diharap dapat memberi motivasi serta inspirasi kepada warga TUDM amnya bagi meningkatkan lagi moral dan mutu perkhidmatan.

